

31 MAY 1997

Sipadan-Tuntutan

MALAYSIA, INDONESIA TANDATANGANI PERJANJIAN KHAS MENGENAI SIPADAN-LIGITAN

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Malaysia dan Indonesia hari ini menandatangani satu perjanjian khas di sini untuk mengemukakan pertikaian mereka berhubung pulau Sipadan dan Ligitan dekat Sabah kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Ini menandakan permulaan tamatnya tuntutan bertindih hampir tiga dekad ke atas pulau-pulau itu.

Menteri Luar Malaysia, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan rakan sejawatannya dari Indonesia, Ali Alatas, menandatangani perjanjian itu bagi pihak negara masing-masing.

Mereka berdua menyifatkan perjanjian itu sebagai satu langkah bersejarah untuk mengelakkan isu itu daripada membebankan generasi akan datang kedua-dua negara.

Abdullah dan Alatas berkata negara mereka akan menerima keputusan ICJ sebagai "muktamad dan tidak boleh dipertikaikan."

Majlis ringkas menandatangani perjanjian itu diadakan pada mesyuarat sehari Menteri-menteri Luar Asean.

Malaysia dan Indonesia telah bersetuju dengan memorandum berhubung prosedur mengemukakan tuntutan mereka kepada ICJ di The Hague untuk menyelesaikan pertikaian kedaulatan itu yang bermula pada 1969.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Suharto telah bersetuju mengemukakan perkara itu kepada ICJ semasa pemimpin Indonesia itu melawat Malaysia tahun lepas.

Kedua-dua pemimpin itu mahu isu itu diselesaikan secara aman menerusi perundingan untuk tidak menjejaskan hubungan baik kedua-dua negara.

Selepas majlis menandatangani perjanjian itu, Abdullah berkata kesediaan kedua-dua negara menerima keputusan ICJ akan mendorong peningkatan kerjasama dua hala untuk manfaat bersama.

"Tindakan kita hari ini merupakan satu pengakuan semula kepercayaan kita kepada proses penghakiman antarabangsa dan rasa hormat terhadap peraturan undang-undang.

"Malahan, keputusan mengemukakan isu ini kepada ICJ untuk penyelesaian muktamad juga bermakna kita tidak akan membebankan generasi akan datang kedua-dua negara dengan pertikaian yang tidak diselesaikan," katanya.

Abdullah percaya keputusan menyelesaikan isu itu berdasarkan undang-undang antarabangsa boleh dijadikan satu contoh untuk diikuti oleh negara lain.

Abdullah berkata Malaysia dan Indonesia telah meningkatkan usaha dua hala untuk mencari penyelesaian secara aman terhadap pertikaian kedua-dua pulau itu sejak 1991.

Semangat persahabatan dan kejiranan yang membawa perundingan mengenai pulau-pulau itu telah membuka jalan kepada Malaysia dan Indonesia untuk menandatangani perjanjian khas itu, katanya.

Alatas, yang sependapat dengan Abdullah, berkata keputusan itu menggambarkan kematangan hubungan dan kesungguhan kedua-dua negara "untuk terus memperkukuhkan hubungan rapat dan baik yang sedia ada."

"Sesungguhnya perjanjian yang kita tandatangani hari ini ialah satu sejarah kerana buat pertama kali kedua-dua negara bersetuju mengenai cara penyelesaian mahkamah bagi mengatasi pertikaian antara mereka," katanya.

Alatas juga berkata kedua-dua negara beruntung kerana kedua-dua pemimpin mereka telah membincangkan dengan terperinci isu itu dan demi kepentingan bersama, mereka bersetuju kes pulau itu diselesaikan secara

baik menerusi ICJ secepat mungkin.

"Saya pasti anda akan bersetuju dengan saya bahawa keputusan yang dicapai kedua-dua pemimpin kita ialah satu keputusan bijak," katanya. --
BERNAMA

ES NAK